Novel : Jejak Monpus, karya Zulaiha Paikon

## Tema

Novel yang telah saya kaji dalam tingkatan 2 ialah Jejak Monpus karya Zulaiha Paikon. Tema dalam novel tersebut ialah kecintaan seorang pemuda terhadap ilmu Sains dan dunia penyelidikan. Contohnya, Zahar, seorang pemuda yang berusia 22 tahun amat menyukai pelbagai jenis serangga dan gemar melakukan pelbagai penyelidikan terhadapnya. Minatnya itu tersemai sejak dia masih kecil lagi. Dia banyak mengumpul serangga seperti kumbang, ulat beluncas dan labah-labah. Dia juga mempunyai sebuah makmal khas untuknya memupuk minatnya dalam bidang penyelidikan terhadap serangga-serangga yang dikumpulnya. Dia kerap menghabiskan masa lapangnya di makmalnya itu melakukan penyelidikan. Malah, Zahar sanggup pergi ke Pulau Pisang untuk mencari penawar untuk menyelamatkan ulat bulu kesayangannya, Pus Pus.

## Persoalan, latar masyarakat, perwatakan , nilai dan pengajaran (watak utama)

Novel yang telah saya kaji dalam tingkatan 2 ialah Jejak Monpus karya Zulaiha Paikon. (utk perwatakan shj- Watak utama dalam novel ini ialah Zahar.) Terdapat beberapa _(kata kunci)_yang menarik dalam novel ini.

| Persoalan | Latar Masyarakat | Perwatakan | Nilai | Pengajaran | Peristiwa |
|---|---|---|---|---|---|
| Persoalan yang pertama ialah persoalan kesayangan seorang anak akan ibu. | Latar masyarakat yang pertama ialah masyarakat yang sayang akan ibu. | Perwatakan Zahar yang pertama ialah sayang akan ibunya. | Nilai yang pertama ialah penyayang. | Pengajaran yang pertama ialah kita mestilah manyayangi ahli keluarga kita. | Sebagai seorang anak, Zahar ingin membalas pengorbanan ibunya. Zahar tidak sampai hati meninggalkan ibunya sendirian di rumah setelah dia belajar di university. Zahar mengambil keputusan utk berulang-alik dari rumahnya ke UTM.<br><br>Selain itu, Zahar juga tekun belajar demi menggembirakan ibu yang telah membesarkannya seorang diri sejak dia berumur 12 tahun.<br>(pilih satu) |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Persoalan yang kedua ialah persoalan menghargai masa.** | Selain itu, terdapat juga masyarakat yang menghargai masa. | Selain itu, Zahar juga seorang yang menghargai masa. | Selain itu, terdapat juga nilai menghargai masa. | Selain itu, kita juga haruslah menghargai masa. | Sebagai contoh, Zahar berada di perpustakaan mininya selepas solat zuhur untuk meneliti ensiklopedia dan buku-bukunya yang lain. Dia memanfaatkan masanya dengan menimba pengetahuan sementara menunggu kedatangan rakannya.<br><br>Dia juga menggunakan cuti semesternya dengan bermanfaat. Dia telah bersama-sama rakannya berkunjung ke Hutan Paya Bakau di Tanjung Piai utk mencari spesies baharu ulat bulu..<br>(pilih satu) |
| Persoalan yang seterusnya ialah persoalan kegigihan. | Latar masyarakat yang seterusnya ialah masyarakat yang gigih. | Seterusnya, Zahar merupakan seorang yang gigih. | Seterusnya, terdapat juga nilai kegigihan. | Seterusnya, kita mestilah gigih semasa melakukan sesuatu perkara. | Misalnya, Zahar gigih melakukan penyelidikan sehingga Berjaya menerima 10 anugerah inovasi, antaranya ialah Anugerah Inovasi Negara, Langkawi Award dan sebagainya.<br><br>Malah, dia juga gigih dan sanggup membahagikan masa utk mencari, mengulang kaji, belajar, mengumpulkan data dan meluangkan masa demi |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | menghasilkan MONPUS. (pilih satu) |
| Persoalan yang terakhir ialah persoalan bertanggungjawab. | Latar masyarakat yg terakhir ialah masyarakat yang bertanggungjawab. | Akhir sekali, Zahar juga merupakan seorang yang bertanggungjawab. | Akhir sekali, terdapat juga nilai bertanggungjawab dalam novel ini. | Akhir sekali, kita haruslah bertanggungjawab terhadap kesalahan yang telah dilakukan. | Dalam novel ini, Zahar seorang yang bertanggungjawab kerana dia telah bertindak segera agar morgan tidak terbang bebas pada waktu malam. Hal ini kerana Morgan mampu merangsang ulat bulu berintik hitam yang bermaharaja lela menyerang penduduk kampung.<br><br>Zahar juga telah bertanggungjawab dalam mencipta penawar bagi menyelesaikan masalah ulat bulu yang melanda Kampung Maju Jaya.<br>(pilih satu) |